



MAINTENANCE POSITION FOR ILLEGAL CHILDREN FROM BIOLOGICAL FATHERS: A STUDY IN PENANG

KEDUDUKAN NAFKAH TERHADAP ANAK TAK SAH TARAF DARIPADA BAPA BIOLOGI: KAJIAN DI PULAU PINANG

Mohd Hazwan Ismail¹ & Jasni Sulong²

¹ Pelajar Ph.D, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM). hazwanismail@student.usm.my

² Profesor Madya, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM); AJK, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). jasni@usm.my

Abstract

The maintenance of the child is under the father's responsibility. However, it is indifferent to an illegitimate child who under his mother's responsibility. If the mother cannot support the child, then the heir next to the mother is responsible for doing so. And if the heirs are also incapable, then the government will play a role in helping to support the illegitimate child. There are cases a mother has applied for maintenance for her illegitimate child from the biological father, asking about his responsibility. The methodology used in this study is a qualitative study by studying documents and the library method. This study requires an elaboration of facts from the book of fiqh and the statute of Islamic law. In addition, this study also used interviews with lawyers and also by doing case study analysis. The study's findings found that the court has approved the application to maintain an illegitimate child to be paid by the biological father in some instances. This is because the current situation is very challenging and requires help from the biological father in bearing the maintenance. If left untreated, it may harm the child. However, the court's permission to order the payment of maintenance for the illegitimate child is subject to the agreement of both parties.

Keyword: Maintenance, Child, Illegitimate, Biological, Father.

Abstrak

Tanggungjawab nafkah anak adalah terletak ke atas bahu seorang bapa. Namun, tanggungjawab ini hanya ke atas anaknya yang sah taraf. Bagi anak yang tak sah taraf, Syarak tidak membebarkannya ke atas bapa tetapi ke atas ibu yang melahirkan anak tersebut. Sekiranya si ibu tidak berkemampuan, maka tugas tersebut dikenakan ke atas waris sebelah ibu seperti datuk, nenek atau saudara lelaki. Dan sekiranya waris kepada isteri juga tidak berkemampuan, maka pemerintah yang akan memainkan peranan

melalui fungsi Baitulmal. Terdapat kes tuntutan nafkah di mana si bapa ingin mengelak daripada membayar nafkah dengan menafikan hubungan biologi antara mereka. Penafian tersebut hanya diterima apabila ia dapat dibuktikan dengan saksi dan keterangan. Namun begitu, terdapat kes si ibu telah memohon tuntutan nafkah anak tak sah taraf di mahkamah dari bapa biologi supaya si bapa tersebut juga perlu bertanggungjawab. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kualitatif yang bersifat dokumen dan kepustakaan. Selain itu, kajian ini turut melakukan temubual bersama peguam untuk menyokong fakta kes. Dapatan kajian mendapati, mahkamah pernah meluluskan permohonan tuntutan nafkah anak tak sah taraf yang perlu dibayar oleh bapa biologi apabila mendapat persetujuan daripada bapa biologi tersebut. Ini kerana situasi zaman kini yang sangat mencabar dan memerlukan bantuan dari bapa biologi dalam menanggung nafkah tersebut. Sekiranya tidak dibantu, ia mungkin dapat memberi kemudahan terhadap anak tersebut. Walau bagaimanapun, kebenaran mahkamah untuk memerintahkan pembayaran nafkah anak tak sah taraf tersebut tertakluk kepada persetujuan daripada kedua-dua pihak.

Kata Kunci: *Nafkah, Anak, Tak Sah Taraf, Biologi, Bapa.*

PENGENALAN

Persoalan nafkah sering menjadi perbincangan dewasa ini berikutan berlakunya kegagalan pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk melaksanakannya dengan baik dan sempurna. Tanggungjawab menunaikan nafkah jelas dinaskan oleh Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah, ayat 233 bahawa ia adalah tanggungjawab seorang ayah. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

﴿وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ﴾

Maksudnya, “Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya” (al-Quran. Al-Baqarah: 233).

Kewajipan nafkah dan keutamaannya ini disokong lagi oleh hadis Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah berikut:

{عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَجُلًا آتَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَقَالَ: إِنَّ مَعِيَ دِينَارًا قَالَ: أَنْفِقْهُ عَلَى نَفْسِكَ قَالَ: إِنَّ مَعِيَ آخَرَ قَالَ: أَنْفِقْهُ عَلَى وَلَدِكَ}

Maksudnya, “Daripada Abu Hurairah R.A, bahawasanya seorang lelaki datang menemui Rasulullah SAW lalu berkata: “Sesungguhnya aku mempunyai satu dinar, lalu baginda bersabda: “Tunaikanlah nafkah ke atas dirimu, lalu lelaki tersebut berkata: Aku juga mempunyai yang lain (wang), lalu baginda bersabda: “Tunaikanlah nafkah ke atas anakmu” (Hadis. Abu Dawud (1691), Al-Nasa’iyy (5/62), Al-Hakim (1/415)).

Bagaimanapun persoalan mengenai nafkah ke atas anak zina atau anak yang tak sah taraf dengan perbezaannya di sisi fuqaha. Ini kerana ia tidak dinisbahkan kepada bapa biologi daripada segi nasab, yang seterusnya memberi kesan yang sama daripada segi taklif nafkah. Oleh kerana itu, makalah ini akan membincangkan mengenainya berdasarkan perspektif sebenar ilmu fiqh.

ANAK TAK SAH TARAF

Dalam istilah Bahasa Arab, anak tak sah taraf disebut '*walad al-zina*' iaitu bermaksud anak zina atau anak tak sah taraf akibat lahir di luar pernikahan. Dalam pengertian lain, anak tersebut dilahirkan sebagai hasil dari perzinaan (Muhammad Yusuf Musa, 1967) antara ibu dan bapa yang tiada ikatan perkahwinan yang sah (Dewan Bahasa dan Pustaka). Akibat kelahiran yang tidak berteraskan akad yang sah, maka anak tersebut tidak boleh dinisbahkan kepada bapa biologinya, sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW:

{الْوَلَدُ لِلْفِرَاشِ، وَلِلْعَاهِرِ الْحَجَرُ}

Maksudnya, "Anak itu dinisbahkan dalam nikah yang sah, dan bagi pezina itu haknya adalah batu (tiada)".

Berdasarkan hadis ini, anak yang tidak dinisbahkan dalam perkahwinan yang sah tidak memberi taklif kepada bapa biologinya. Justeru, anak tersebut bukan sahaja tidak boleh di"bin"kan kepada bapa tersebut, malah dia juga dikecualikan daripada berada di bawah tanggungan bapa tersebut, selain ke atas ibunya.

Pandangan fuqaha dari kalangan Shafi'iyah, Malikiyah dan Hanabilah berpendapat tidak boleh mem"bin/binti"kan anak tak sah taraf kepada bapa biologi. Dalam pandangan ini, al-Mawardi daripada mazhab Syafie ada menyatakan:

"Adapun anak zina, hukumnya sama dengan anak li'an iaitu ternafi nasabnya daripada pezina dan dia dinasabkan kepada si ibu" (Al-Mawardi, et. al, 1999).

Manakala Ibn Rushd daripada mazhab Maliki pula bersependapat dengan kenyataan tersebut kecuali yang dilahirkan sebelum Islam:

"Jumhur ulama bersependapat bahawa anak-anak zina tidak di nasabkan kepada bapa biologi mereka kecuali perzinaan yang telah berlaku pada zaman jahiliah seperti yang diriwayatkan oleh Umar al-Khatab" (Ibn Rushd, et. al, 2004).

Kunci kepada sandaran nasab kepada bapa dan tanggungjawab nafkah ini adalah merujuk kepada bayi yang dilahirkan daripada perkahwinan yang sah. Pertimbangan ini adalah berdasarkan keterangan daripada Saidina Umar yang berikut:

Daripada Abdullah bin Abi Yazid daripada ayahnya beliau berkata: Saidina Umar al-Khatab telah memerintahkan seorang sheikh daripada Bani Zahrah yang tinggal bersama kami untuk datang menemuinya. Lalu aku pergi bersamanya kepada Umar. Umar bertanya kepada sheikh tersebut tentang nasab seorang anak dari kalangan anak-anak jahiliah. Lalu sheikh itu menjawab "jika dilihat dari sudut firasyh (ikatan yang sah sama ada perkahwinan atau pemilikan) maka ia adalah milik sipulan, sebaliknya jika dilihat dari sudut asal benih mani (hasil dari perbuatan zina) maka ia adalah milik sipulan" (orang yang berbeza). Lalu Umar berkata: "kamu berkata benar. Tetapi Rasulullah SAW telah memutuskan nasab hanya kepada firash" (Muhammad Rawwas Qal'ah, 1997).

Pandangan-pandangan tersebut memberi maksud bahawa anak yang dilahirkan tanpa ikatan yang sah tidak boleh dinasabkan kepada bapa. Selain atas sebab di atas, anak tak sah taraf juga boleh berlaku lahir dalam sebuah perkahwinan yang sah tetapi tempoh kelahirannya adalah kurang enam bulan daripada tarikh akad nikah. Menurut Wahbah al-Zuhailiyy (1989) tempoh ini ditentukan oleh para mujtahid bersandarkan firman Allah SWT dalam dua ayat berikut, iaitu:

﴿وَمَوْلَاهُ، وَفِصْلُهُ، ثَلَاثُونَ شَهْرًا﴾

Bermaksud, "Tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan" (al-Quran. Al-Ahqaf: 15).

Dan Firman Allah SWT lagi:

﴿وَفِصْلُهُ فِي عَامَيْنِ﴾

Bermaksud, “*dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun*” (al-Quran. Al-Luqman: 14).

Dalam ayat pertama, Allah SWT menjelaskan tempoh mengandung dan menyusu adalah 30 bulan atau kira-kira dua tahun enam bulan. Sementara pada ayat kedua, Allah SWT menjelaskan lagi bahawa tempoh bagi menyusu hanya mengambil masa selama dua tahun. Ini bermakna, jika tempoh menyusu mengambil masa selama dua tahun, maka tempoh bagi mengandung hanya selama enam bulan. Berdasarkan dapatan ini, fuqaha merumuskan bahawa minima tempoh mengandung adalah selama enam bulan (Wahbah Al-Zuhaili, 2001).

Justeru, sekiranya ada yang mengandung kurang daripada enam bulan daripada tarikh akad perkahwinannya, maka ia adalah merupakan anak yang tak sah taraf. Dan amalan ini telah diperakui di Malaysia bahawa anak yang dilahirkan sebelum enam bulan perkahwinan direkodkan di dalam sijil kelahiran dengan tidak di“bin/binti”kan nama bapa, atau di“bin/binti”kan 99 nama Allah atau di“bin/binti”kan nama ‘Abdullah’. (Muhammad Aunurrochim Mas’ad et. al, 2018) Ini boleh dilihat dalam pembuktian tersebut di surat beranak anak dan tertulis permohonan “Seksyen 13” yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) (Zulkifli bin Hassan, et. al, 2008).

Seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian 1957 (Akta 299) memperuntukkan, “*Walau apapun yang terkandung dalam peruntukan terdahulu di dalam Akta ini, dalam hal anak tak sah taraf, tiada seorang pun sebagai bapa kepada kanak-kanak itu dikehendaki memberi maklumat berkenaan dengan kelahiran kanak-kanak itu, dan Pendaftar hendaklah tidak mencatatkan ke dalam daftar nama mana-mana orang sebagai bapa kanak-kanak itu kecuali atas permintaan bersama oleh ibu dan orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kanak-kanak itu, dan orang itu hendaklah dalam hal sedemikian menandatangani daftar itu bersama dengan ibu itu*”.

Takrifan anak tak sah taraf daripada sudut undang-undang di Malaysia pula adalah berdasarkan tafsiran Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang diperuntukkan oleh setiap negeri di Malaysia. Misalnya, Seksyen 2 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Pulau Pinang) 2004 telah memperuntukkan bahawa:

“tak sahtaraf”, berhubung dengan seseorang anak, ertinya dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan syubhah”.

Menurut Jabatan Mufti Pulau Pinang (2005), anak tersebut juga ialah anak yang dilahirkan kurang dari enam bulan dua saat mengikut daripada tarikh tamkin dengan berlakunya persetubuhan antara lelaki dan perempuan tersebut. Termasuk juga anak luar nikah ialah anak yang lahir akibat daripada perzinaan atau rogol, yang bukan berpunca daripada persetubuhan syubhah. Persetubuhan syubhah adalah persetubuhan yang pihak-pihak tersebut beranggapan sah pada awalnya, tetapi kemudian diketahui sebagai tidak sah akibat kesilapan akad perkahwinan atau kerana berlaku kesilapan (Wan Abdul Fattah Wan Ismail, et. al, 2018). Walau bagaimanapun, anak tersebut masih boleh dinisbahkan kepada bapa biologi tersebut dan adalah sah taraf.

Namun kesan yang berlainan dengan anak tak sah taraf atau anak zina ini, iaitu menurut undang-undang sebagaimana yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan, anak orang Islam yang dilahirkan di luar ikatan perkahwinan atau tidak sah taraf, tidak boleh dibin atau dibinti dengan nama bapanya (Berita Harian, 13/2/2020). Menurut Fatwa Kebangsaan,

anak tidak sah taraf Islam hendaklah ‘dibin atau binti Abdullah’. Penafian nama bapa biologi ke atas anak tak sah taraf ini dengan jelas juga telah menafikan segala tanggungjawab daripada dikenakan ke atas bapa tersebut.

PERSPEKTIF FIQH DALAM NAFKAH ANAK TAK SAH TARAF

Berdasarkan perbincangan definisi di atas, penafian bapa ke atas anak tak sah taraf daripada sudut penamaan telah juga menafikannya daripada sudut tanggungjawab sebagai bapa kandung yang diiktiraf syarak. Oleh kerana hubungan anak tersebut dengan bapanya telah terputus, maka dalam konteks kewajipan memberi nafkah kepada anak tak sah taraf adalah terletak di atas tanggungjawab ibu kandung dan waris sebelah ibunya sahaja. Kewajipan ke atas ibu untuk menanggung nafkah bagi anak yang ketiadaan bapa adalah berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 233:

﴿لَا تُضَارُّ وُلْدَهُ بِوَلَدِهَا﴾

Maksudnya, “Janganlah menjadikan seseorang ibu menderita kerana anaknya”. (al-Quran. Al-Baqarah: 233).

Berdasarkan ayat ini, fuqaha Mazhab Syafi’i ada menyatakan bahawa ibu menanggung tugas untuk menggantikan tanggungjawab bapa yang asal untuk menanggung nafkah ke atas anaknya. Tugas tersebut adalah sesuatu yang utama demi kebajikan anak apabila ketiadaan bapa, sama ada kerana kematian atau kerana hilang (Al-Tahzib fi Fiqh al-Imam al-Syafie, 3/156). Perpindahan nafkah daripada bapa kepada ibu juga dibincangkan oleh Imam al-Mawardi dalam Kitab *Al-Hawi al-Kabir* (11/479) bahawa perpindahan nafkah berlaku selepas daripada bapa-bapa ialah kepada ibu-ibu. Sekiranya sebuah keluarga telah ketiadaan bapa, maka nafkah tersebut akan berpindah kepada ibu.

Imam Khatib al-Bujairimi (Hasyiyah al-Bujairimi, 4/437) telah mengulas isu perpindahan nafkah bapa kepada ibu ini daripada sudut tanggungjawab membayar zakat fitrah ke atas tanggungan. Beliau menyatakan bahawa tanggungjawab zakat fitrah bagi anak zina ialah ke atas ibunya kerana dia tidak mempunyai ayah. Ini kerana hubungan anak dengan ayah adalah tidak diperakui oleh hukum syarak, maka tugas membayar zakat tersebut diambil-alih oleh ibunya sebagaimana diwajibkan tugasnya dalam menanggung nafkah ke atas anaknya (ibu).

Pandangan yang sama diutarakan oleh Imam Sayyid al-Bakri (I’ناه al-Tolibin, 2/169) yang turut mengaitkan tanggungjawab nafkah ini dengan zakat fitrah. Menurut beliau, zakat fitrah bagi anak zina dikenakan ke atas ibunya dengan mengqiyaskan dengan hukum anak yang dili’an. Oleh itu, diwajibkan ke atas seorang ibu nafkah anak yang bertanggung ke atasnya seperti anak zina dan anak li’an (I’ناه al-Tolibin, 2/335).

Kesesuaian ibu atau waris ibu untuk membiayai nafkah anak tak sah taraf turut dinyatakan dalam al-Quran, iaitu Allah SWT berfirman dalam Surah al-Baqarah, 2 : 233:

﴿وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ﴾

Maksudnya, “Dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika bapa tiada)” (al-Quran. Al-Baqarah: 233).

Taklif kepada ibu ini adalah kerana ibu adalah waris terdekat kepada seseorang anak, selepas daripada bapa. Walaupun ibu dipertanggungjawabkan, fuqaha turut meletakkan syarat-syarat tertentu dalam menyediakan keperluan nafkah anak tak sah taraf kepada anaknya, iaitu:

- (i) Ibu itu mampu dan mempunyai sumber kewangan atau pendapatan tertentu, untuk dirinya dan anaknya.
- (ii) Anak tersebut masih kecil dan tidak mampu berdikari.
- (iii) Anak tersebut miskin tidak mempunyai harta sendiri untuk menyara dirinya.
- (iv) Anak tersebut cacat anggota. Jika anak tersebut sudah besar atau baligh dan mampu berdikari maka ibu tidak lagi wajib memberi nafkah kepadanya.
- (v) Anak tersebut masih menuntut ilmu. Akibat itu, dia tidak mempunyai masa untuk mencari nafkah sendiri.

Sekiranya si ibu tidak berkemampuan, barulah tugas tersebut diambil alih oleh waris terdekat. Menurut Wahbah al-Zuhaili, anak tak sah taraf akan dibiayai oleh waris ibu seperti ibu kepada ibu (nenek) sekiranya ibu tidak berkemampuan. Kenyataan al-Zuhaili ini dapat diteliti sebagaimana berikut:

“Ibu ialah waris, jadi wajib membiayai nafkah dengan jelas daripada nas al-Quran. Jika anak kecil itu ada nenek dan saudara lelaki, maka ke atas nenek satu perenam dan yang selebihnya ditanggung oleh saudara lelaki. Dengan ini jadilah susunan pembiayaan nafkah mengikut susunan pewarisan. Maka, sebagaimana nenek mendapat habuan pusaka satu perenam, ia juga wajib membiayai nafkah satu perenam dan sebagaimana habuan pusaka yang selebihnya bagi saudara lelaki, maka begitu pula ia wajib membiayai nafkah yang selebihnya setelah nenek membiayai satu perenam. Jika berhimpun ibu bapa di sebelah ibu (nenek dan datuk di sebelah ibu), maka pembiayaan nafkah wajib ke atas emak ibu (nenek) kerana ia adalah ahli waris.” (Wahbah al-Zuhaili, 1409H/1989M)

Berdasarkan kenyataan ini adalah jelas bahawa ibu bertanggungjawab memberi nafkah kepada anak yang tidak sah taraf. Keutamaan selepasnya ialah ibunya, atau nenek dan kemudian barulah saudara lelakinya. Sekiranya kedua waris tersebut ada bersama, bahagian tanggungan untuk nenek adalah satu perenam dan saudara lelakinya lima perenam. Ini berdasarkan formulasi al-faraid yang memberikan nenek hak satu perenam dan *‘asabah* kepada saudara lelaki. Namun begitu, sekiranya ibu kepada anak tak sah taraf tersebut masih mempunyai datuknya, maka pembiayaan nafkah tetap diwajibkan ke atas neneknya jika ibu kepada anak tersebut tidak berkemampuan.

Bagaimanapun sekiranya ibu dan juga waris ibu tidak berkeupayaan, meninggal dunia atau hilang dengan tidak dapat dikesan, maka pihak seterusnya yang akan bertanggungjawab dalam memberi nafkah dan menjaga kebajikan anak-anak malang tersebut adalah pihak pemerintah. Ini kerana pemerintah adalah pelindung dan wali kepada rakyatnya. Wahbah al-Zuhaili ada mengulas mengenai hal ini sebagaimana berikut:

“Di dalam Islam, kerajaan bertanggungjawab terhadap penjagaan anak ini dengan perantaraan kementerian atau institusi tertentu”. (Dr Yusuf al-Qardhawi, 1995)

Manakala menerusi undang-undang, tanggungjawab ibu memberi nafkah kepada anak tak sah taraf diperuntukan dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam. Misalnya di Wilayah Persekutuan, ia diperuntukkan di dalam Seksyen 80 mengenai kewajipan menanggung nafkah anak-anak tidak sah taraf, sebagaimana berikut:

- (1) *Jika seseorang perempuan cuai atau enggan menanggung nafkah seseorang anaknya yang tidak sah taraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, melainkan seorang anak yang dilahirkan akibat rogol, Mahkamah boleh, apabila hal itu dibuktikan dengan sewajarnya, memerintahkan perempuan itu memberi apa-apa elaun bulanan yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah.*

Peruntukan yang sama diperuntukkan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Pulau Pinang) 2004. Malah peruntukan mengenai nafkah kepada anak sah taraf ini ada diperuntukkan dalam semua Enakmen Undang-undang Keluarga Islam setiap negeri. Ia jelas memperuntukkan bahawa ibu adalah orang yang bertanggungjawab ke atas anaknya yang tak sah taraf. Tanggungjawab ini disandarkan kerana faktor mengandung dan kelahiran yang jelas secara fizikal disumbangkan oleh ibu melalui pemerhatian dan bukti zahir.

Walau bagaimanapun peruntukan undang-undang di atas, kemampuan ibu dan psikologinya juga akan dijadikan ukuran. Oleh kerana itu dalam amalan undang-undang, mahkamah akan menilai tahap keupayaan dan kemampuan si ibu dalam menyara anak tak sah taraf. (Nik Nuraini Nik Badli Shah, 1992) Sekiranya si ibu tersebut tidak berkeupayaan seperti miskin, tidak ada pekerjaan atau enggan seperti malu, tekanan jiwa yang dialaminya serta ingin lari dari risiko, (Abd Ghani Ahmad et. al, 2016) maka mahkamah boleh memerintahkan kepada perempuan yang lain yang terdiri daripada waris ibunya seperti nenek atau saudara lelaki seibu sama ada abang atau adik kepada anak tak sah taraf tersebut. (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004).

Sementara daripada sudut pemerintah, terdapat beberapa agensi kerajaan yang bertanggungjawab di Malaysia pada hari ini seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Agensi ini bertanggungjawab menjaga kebajikan anak tersebut dengan memberi didikan, makanan dan perlindungan. Selain Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) secara langsung, pihak JKM juga boleh mewakili agensi lain atau pihak NGO yang berkaitan dengan wanita-wanita atau ibu malang seperti Jabatan Pembangunan Wanita, Rumah Perlindungan Nurul Hana di Alor Setar, Kedah dan *Baby Hatcy* di Petaling Jaya, Selangor. (Abd Ghani Ahmad et. al, 2016).

TUNTUTAN DAN PERINTAH NAFKAH KE ATAS BAPA BIOLOGI

Bapa biologi bermaksud bapa yang memiliki benih sehingga terjadinya pencantuman dengan telur si wanita sehingga melahirkan anak. Dalam kes anak tak sah taraf, bapa biologi ialah lelaki yang mengadakan hubungan tanpa nikah dengan si wanita sehingga melahirkan anak. (Lukman Abdul Mutalib et. al, 2016). Berdasarkan hukum fiqh, bapa biologi ini tidak memiliki hak untuk di"bin/binti"kan anak kepadanya sekiranya anak yang lahir tersebut daripada wanita yang tidak dinikahi atau dilahirkan kurang daripada enam bulan daripada tempoh perkahwinan. Berdasarkan fakta ini juga, bapa biologi ini tidak bertanggungjawab untuk menanggung nafkah anak tersebut.

Dalam amalan semasa, kedudukan seseorang anak tak sah taraf tidaklah terpakai secara langsung tanpa mendapat pengesahan daripada mahkamah syariah. Ini kerana hanya mahkamah syariah yang berbidangkuasa untuk menentukan sama ada seorang anak itu dilahirkan dalam sebuah perkahwinan yang sah, dan merupakan anak yang sah taraf atau sebaliknya. Justeru, terdapat juga segelintir kes tuntutan nafkah yang dituntut oleh si ibu kepada bapa biologi yang masih dalam *tuhmah* tersebut. Sebahagian daripada tuntutan tersebut didapati telah diluluskan oleh mahkamah syariah yang terlibat, apabila didapati terdapat hubungan yang sah di antara bapa dan anak tersebut. Oleh itu, tanggungjawab yang disyariatkan agama ke atas seseorang bapa adalah tertaklif ke atasnya tanpa dapat dielak (Mohamad Aslam bin Ahmad, 2018).

Dalam perbincangan ini, terdapat tiga kes yang berkaitan mengenai tuntutan nafkah ke atas bapa biologi yang menafikan anak berkenaan sebagai anak kandungnya, tiada hubungan dengan anak dan anak luar nikah. Dalam kes *Salim Iwn Masiah* (1976/2 JH 296), pasangan telah berkahwin pada 6hb Oktober 1968 tetapi tempoh perkahwinan hanya

bertahan sebagai suami isteri selama 13 hari sahaja. Mereka akhirnya bercerai pada 19hb November 1968. Selepas lapan bulan daripada tarikh perkahwinan mereka iaitu pada 2hb Jun 1969, isteri tersebut telah melahirkan anak.

Justeru, isteri telah menuntut nafkah bayi tersebut daripada bekas suami tersebut namun suaminya telah menidakkan anak itu. Penafian tersebut adalah kerana mereka berkahwin sekejap sahaja sebelum bercerai. Dalam prosiding mahkamah, mahkamah mengkaji dan menghalusi setiap keterangan dan juga pembuktian-pembuktian yang dijelaskan oleh kedua-dua pihak. Setelah dikaji, mahkamah mendapati tiada bukti yang menyatakan bahawa anak tersebut adalah bukan anaknya. Ini kerana, anak tersebut dilahirkan 8 bulan setelah pasangan tersebut berkahwin, iaitu telah melepasi tempoh 6 bulan minimum untuk mengandung dan tiada keterangan bahawa wanita tersebut berkahwin dengan lelaki lain. Oleh itu, anak tersebut adalah anaknya yang sah taraf dan suami tersebut perlu bertanggungjawab untuk membiayai nafkah kepada anak itu.

Selain daripada tuntutan anak yang baru lahir, terdapat juga kes tuntutan nafkah anak dibuat ketika anak sudah meningkat remaja. Dalam kes *Norzaini binti Alias lwn Mohamad Sharif bin Mohamad Taib (2003/16 JH 101)*, anak tersebut telah mencapai umur 13 tahun dan plaintif mendakwa defendan telah gagal memberi nafkah kepada anaknya sepanjang tempoh tersebut. Plaintif juga mendakwa bahawa anak itu adalah anak kandung yang sah hasil perkahwinan plaintif dan defendan. Walau bagaimanapun, defendan telah membalas pembelaannya di mahkamah bahawa anak itu bukanlah anaknya yang sah. Dan defendan memohon kepada mahkamah agar tuntutan nafkah anak tersebut ditolak kerana anak itu adalah anak tak sah taraf.

Setelah dikaji dan menghalusi segala keterangan-keterangan oleh kedua-dua pihak oleh mahkamah, maka mahkamah dalam keputusannya menolak pembelaan defendan. Alasan penolakan pembelaan defendan tersebut adalah penafian anak tak sah taraf tersebut sepatutnya dilakukan dengan segera dan bukannya menunggu sehingga 13 tahun. Ini kerana, proses penyegeraan perlu dilakukan kerana ia melibatkan dokumen persekolahan anak, kad pengenalan dan lain-lain perkhidmatan lagi.

Sekiranya anak tersebut telah melepasi dari perkhidmatan persekolahan contohnya yang memerlukan dokumen ibu dan bapa, maka anak tersebut adalah anaknya yang sah. Ini kerana proses sebelum ini tidak pernah dibawa ke mahkamah bahawa anak itu anak tak sah taraf. Oleh itu, mahkamah memerintahkan kepada defendan untuk memberi nafkah kepada anak kandung tersebut.

Berdasarkan dua kes di atas, penafian suami bahawa seorang anak itu adalah bukan anak kandungnya secara biologi perlulah mengemukakan pembuktian atau keterangan yang jelas untuk diberi kepada hakim dengan segera. Kelengahan masa yang munasabah dalam menafikan anak tersebut juga adalah menjejaskan penafian yang dilakukan oleh seorang bapa. Ini menampakkan alasan "anak tak sah taraf" hanyalah sebagai penafian untuk mengelak daripada tanggungjawab membayar nafkah.

Pada masa yang sama, para hakim akan menilai dan mengkaji berdasarkan hukum Syarak kedudukan hubungan antara seorang bapa dan si anak dengan terperinci agar selari dengan kehendak al-Quran, hadis dan ijmak fuqaha. Ini kerana hakim perlu sangat berhati-hati dalam memberikan keputusan kerana ia melibatkan kemaslahatan generasi masyarakat umum, khususnya kebajikan seorang anak. (Najibah Mohd Zin, 2007).

Pembuktian tersebut mestilah jelas bersama dokumen atau saksi-saksi yang menyatakan bahawa anak tersebut telah dilahirkan selepas 6 bulan *qamariah* dari ikatan perkahwinan. Ia menjadi garis panduan dalam menentukan kesahan nasab seseorang anak

daripada bapa kandunginya. Sekiranya terdapat kes kurang dari 6 bulan dari ikatan perkahwinan yang sah, maka mahkamah akan menolak tuntutan nafkah tersebut kerana anak tersebut bukan anak yang sah taraf.

Terdapat satu kes mahkamah yang berkaitan dengan hal ini iaitu kes *Roslan binti Abd Ghani lwn Zulkifli* (1986/6 JH 338) apabila plaintif telah memohon nafkah anak daripada defendan. Plaintif mendakwa bahawa anak tersebut adalah dari benih beliau dan defendan, dan beliau menuntut supaya defendan bertanggungjawab untuk memberi nafkah kepada anak tersebut. Setelah diteliti, mahkamah mendapati bahawa anak tersebut adalah anak diluar nikah. Oleh kerana anak luar nikah tidak dihubungkan dengan bapa biologinya, maka mahkamah menolak tuntutan nafkah yang dimohon oleh plaintif. Malah plaintif perlu bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga dan menanggung nafkah untuk anak tak sah taraf tersebut.

Terdapat juga tuntutan yang dibuat oleh bekas suami dalam menafikan hubungannya dengan seorang anak bagi menggugurkan tuntutan nafkah ke atasnya. Dalam kes *Ismail lwn Kalam* (1995/10 JH 41), plaintif memohon deklarasi bahawa seorang anak yang dilahirkan oleh bekas isterinya adalah bukan anak kandunginya. Justeru, dia tidak bertanggungjawab untuk menanggung nafkah anak tersebut. Menurut keterangan kes, penuntut telah menceraikan isterinya pada 28 September 1985.

Manakala anak yang dikaitkan dengan plaintif hanya dilahirkan empat tahun selepas perceraian mereka iaitu pada 23 September 1989. Semasa pembelaan, bekas isteri mendakwa bahawa mereka telah melakukan *rujuk* ketika dalam tempoh *iddah raj'i* tetapi telah dinafikan oleh pihak suami. Oleh kerana, tiada bukti yang menyokong *rujuk* telah berlaku, maka Hakim Mahkamah Tinggi tidak dapat menerimanya dan memutuskan bahawa anak tersebut tidak boleh dinasabkan kepada plaintif. Justeru, plaintif tidak bertanggungjawab untuk membayar nafkah ke atas anak tersebut.

Jelas bahawa permohonan tuntutan nafkah anak yang dilakukan oleh isteri ke atas suami atau bekas suami, perlulah dibuat atas asas syarak. Walaupun dalam kebanyakan kes, si bapa cuba lari dari tanggungjawabnya, namun ia tidak boleh lari dari fakta jika anak tersebut sebenarnya adalah anaknya, setelah dikemukakan keterangan dan juga pembuktian di mahkamah. Setiap perletakan hukum (*wad'i*) yang dikenakan ke atas seseorang mukallaf adalah mesti berdasarkan kepada sebab, syarat atau halangan. Oleh itu, seseorang hanya dapat dikenakan tanggungjawab tertentu apabila telah memenuhi keperluan hukum ini.

Menurut Abd Ghani Ahmad & Nuarrual Hilal Md Dahlan (2016), kewajipan menanggung nafkah anak tak sah taraf mestilah dibuat berdasarkan ketetapan syarak. Ia bergantung kepada kesahan bapa biologi dalam menentukan kedudukan sabitan nasab berdasarkan hukum syarak. Sabitan tersebut perlu kepada *firash* (perkahwinan), *bayyinah* (keterangan) dan *iqrar* (pengakuan).

Dalam peruntukan undang-undang di Malaysia, sabitan anak tak sah taraf terhadap sabitan kedudukannya diperuntukan dalam Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam. Ia dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pensabitan nasab sebagai anak, ibu atau bapa dan saudara. Setelah itu, barulah dijelaskan mengenai sabitan nafkah anak daripada bapa biologi. Dalam peruntukan undang-undang di Malaysia, nafkah anak tak sah taraf dipertanggungjawabkan oleh tiga pihak iaitu tanggungjawab daripada ibu, waris ibu atau baitulmal (pemerintah). Oleh itu, bapa biologi adalah tidak dipertanggungjawabkan untuk menanggung nafkah anak tak sah taraf dalam apa jua keadaan,

Sekiranya bapa tersebut memenuhi tiga syarat penasaban anak yang digariskan oleh fuqaha seperti *firash*, *iqrar* dan *bayyinah* di atas, maka ia telah memenuhi penasaban anak itu. *Firash* bermaksud perkahwinan yang menjelaskan suami telah menghamilkan isterinya ketika hubungan yang sah, isteri telah mengandung selepas itu, munasabah mereka melakukan persetubuhan, tempoh mengandung sekurang-kurangnya 6 bulan dari tempoh perkahwinan dan suami tidak menafikan bahawa anak itu dengan cara *li'an*. Manakala *iqrar* pula adalah pengakuan daripada bapa tersebut bahawa anak tersebut adalah anaknya dan terakhir adalah *bayyinah* iaitu keterangan yang memerlukan dua orang saksi yang adil tentang perkahwinan dan kelahiran yang berlaku.

Dalam perbincangan Lukman Abdul Mutalib & Mohamad Azhan Yahya (2016) berkenaan "Isu Penasaban Anak Luar Nikah Kepada Bapa Biologi Dari Sudut Pandang Siasah Syar'iyah Di Malaysia", (Lukman Abdul Mutalib et. al, 2016) beberapa pendapat fuqaha berkenaan penasaban dengan ber'bin'kan kepada bapa biologi ada disentuh. Walau bagaimanapun, tiada pandangan yang sebaliknya berkenaan nafkah kepada anak tak sah taraf yang tidak melibatkan bapa biologi.

Pandangan yang sama diulas oleh Muhammad Aunurrochim Mas'ad & Mohamad Zakwan Nafis bin Mohamed Zamri (2018) bahawa nafkah anak tidak boleh dibiayai oleh bapa dari hasil penzinaan. Oleh itu, nafkah ke atas anak tersebut adalah wajib dibiayai oleh ibu kepada anak tersebut sahaja. Jika ibunya tidak mahu bertanggungjawab terhadap anaknya, maka menjadi kewajipan waris terdekat atau pihak kerajaan melalui baitulmal untuk mengambil alih tanggungjawab untuk membiayai anak tersebut.

Kesimpulannya, dapatan kajian ini sepakat menunjukkan bahawa nafkah anak tak sah taraf wajib dibiayai oleh ibu, waris ibu atau baitulmal (pemerintah). Walaupun bapa biologi adalah anak hasil daripada benihnya, namun fuqaha dan undang-undang di Malaysia memperuntukan bahawa tiada kebenaran untuk diwajibkan memberi nafkah kepada anak tersebut. Oleh itu, nafkah anak tak sah taraf wajib dibiayai oleh ibu, waris ibu dan juga baitulmal (pemerintah).

KAJIAN KES NAFKAH ANAK TAK SAH TARAF DI PULAU PINANG

Dalam perbincangan ini, beberapa keputusan kes yang berlaku di Pulau Pinang akan dibincangkan. Pengumpulan data dan kajian yang dilakukan ini adalah berbentuk kualitatif bersifat dokumen dan kepustakaan (Mohd Shafie Abu Bakar. 1991) yang mana data-data dikumpulkan (Abdul Rashid Moten, 1998) dan diolah berdasarkan pendalilan kitab fiqh, hasil kajian dari jurnal dan buku yang berlandaskan statut perundangan di Malaysia. Selain itu, turut digunakan kaedah temubual secara tidak berstruktur (Ahmad Sunawari Long, 2009) bersama peguam. (Therese L. Baker, 1999)

Temubual bersama peguam adalah satu cara bagi membantu mendapatkan data lebih terperinci berdasarkan kes-kes yang dikendalikan olehnya. (Mohd Shafie Abu Bakar. 1991) Analisis yang dilakukan adalah berdasarkan peristiwa sebenar (Therese L. Baker, 1999) dengan menggunakan contoh kes mengenai tuntutan nafkah anak yang dituntut ke mahkamah syariah Pulau Pinang.

Kajian mendapati, walaupun anak tak sah taraf pada asalnya dibiayai nafkah oleh si ibu, namun terdapat juga kes yang dibenarkan atau diperintahkan oleh mahkamah kepada bapa biologi. Syarat untuk mahkamah membenarkan nafkah anak dibiayai oleh bapa biologi tersebut adalah mesti mendapat persetujuan terlebih dahulu oleh kedua-dua pihak semasa mereka bersidang di hadapan hakim sewaktu proses perceraian atau permohonan tuntutan

nafkah anak. Jika kedua-dua pihak ada persetujuan bersama, maka hakim boleh memerintahkannya (Mohamad Aslam bin Ahmad, 2018).

Sekiranya pihak si bapa biologi tersebut tidak bersetuju, maka mahkamah tidak akan memerintahkan kepada si bapa biologi tersebut untuk menanggung nafkah. Antara kes yang telah diputuskan oleh mahkamah adalah sebagaimana jadual di bawah:

Jadual 4.1. Kes-kes Nafkah Anak Tak Sah Taraf di Mahkamah Rendah Syariah Pulau Pinang

Bil.	Nama Kes	No. Kes Mal	Mahkamah Rendah Syariah
1	<i>Azliza lwn Faizul (2016)</i> ¹	246/2016	- Daerah Timur Laut
2	<i>Aidayu lwn Sukri (2018)</i> ²	731/2018	- Seberang Perai Tengah
3	<i>Adilla lwn Shaiful Anwar (2019)</i> ³	384/2019	- Seberang Perai Tengah
4	<i>Nazihah lwn Rosli (2019)</i> ⁴	725/2019	- Seberang Perai Utara

Sumber: Laman Sesawang E-Syariah pada April 2020.

Jadual di atas menunjukkan contoh kes nafkah anak tak sah taraf yang dibiayai oleh bapa biologi. Kes pertama adalah *Azliza lwn Faizul (2016)*.⁵ Kes ini didaftarkan untuk permohonan nafkah anak pada 20/4/2016 di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Mereka mempunyai dua orang anak yang bernama Qurratul Naim binti Abdullah dan anak kedua bernama Izzatunnisa binti Faizul. Anak pertama tercatat 'Permohonan Seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian 1957 (Akta 299)' di surat sijil kelahiran yang menunjukkan anak tersebut tidak sah taraf. Dalam prosedur mahkamah, apabila kes permohonan tuntutan nafkah difailkan di mahkamah, kedua-dua pihak perlu hadir ke Majlis *Sulh*⁶ terlebih dahulu.

Pasangan tersebut telah menghadiri Majlis *Sulh* pada 16/5/2016, 16/6/2016, 26/7/2016, 6/9/2016 dan terakhir pada 11/10/2016. Pada tarikh terakhir, pasangan tersebut telah mencapai persetujuan bahawa defendan bersetuju untuk memberi nafkah kepada kedua-dua anaknya walaupun anak yang pertama bukan anak yang sah taraf. Setelah menandatangani perjanjian persetujuan, kedua-dua pihak memperakui perjanjian tersebut di hadapan hakim dan hakim telah memerintahkan kepada defendan untuk membayar nafkah bagi kedua-dua anaknya bermula bulan Oktober tahun 2016.

Contoh kes yang kedua pula adalah *Aidayu lwn Sukri (2018)*.⁷ Kes ini didaftarkan untuk perceraian bagi kedua-dua pihak pada 4/12/2018 di Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Bekas pasangan tersebut mempunyai seorang anak tak sah taraf yang bernama Ahnaf Mikaeil bin Abdullah dan nama bapa biologinya bernama Sukri. Selepas defendan melafazkan perceraian, plaintif telah memohon kepada mahkamah

¹ Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal: 246/2016.

² Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 731/2018.

³ Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 384/2019.

⁴ Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 725/2019

⁵ Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal: 246/2016. Op.Cit.

⁶ Majlis Sulh ialah sesi perundingan dipimpin di antara dua pihak yang bertikai yang dipengerusikan oleh Pegawai Sulh Mahkamah Syariah dengan tujuan untuk mendapatkan persetujuan bersama dalam menyelesaikan suatu pertikaian secara damai tanpa perlu melalui proses perbicaraan di dalam Mahkamah. Lihat Seksyen 99 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang): "*Pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh, pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan sulh bagi menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah sebagaimana yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian, mengikut Hukum Syarak*".

⁷ Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 731/2018. Op.Cit.

mengenai nafkah supaya defendan perlu bertanggungjawab bagi anak tersebut. Ini kerana plaintif tidak berkemampuan untuk menanggung anak tersebut. Defendan telah bersetuju dengan permohonan plaintif dan hakim telah memerintahkan kepada defendan untuk membayar nafkah kepada Ahnaf Mikaeil berkuatkuasa pada bulan Januari 2019.

Seterusnya kes yang tidak mendapat persetujuan dari defendan adalah *Adilla Iwn Shaiful Anwar (2019)*.⁸ Kes ini juga didaftarkan perceraian antara kedua-dua pihak. Selepas sahaja defendan melafazkan perceraian, plaintif memohon kepada mahkamah mengenai nafkah yang perlu diberi kepada kedua-dua anak mereka yang bernama Nur Delaila binti Abdullah dan anak kedua bernama Nur Zahra Nazeera binti Shaiful Anwar. Pada asalnya defendan tidak mahu bertanggungjawab ke atas kedua-dua anak tersebut. Justeru, Mahkamah telah memerintahkan bahawa defendan dipertanggungjawabkan untuk menanggung nafkah anak yang kedua iaitu Nur Zahra Nazeera binti Shaiful Anwar kerana ia adalah anak yang sah taraf, manakala anak yang pertama tidak diperintahkan untuk memberi nafkah kerana berstatus anak tak sah taraf. Defendan diperintahkan untuk membayar nafkah seorang anak bermula pada bulan Ogos tahun 2019.

Contoh kes yang terakhir adalah *Nazihah Iwn Rosli (2019)*⁹ yang dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara. Kes ini juga didaftarkan sebagai kes perceraian dan plaintif telah memohon nafkah anak daripada mahkamah. Kedua-dua pihak dikurniakan tiga orang anak yang bernama Adam Fariz bin Abdullah, Inas Shuhada binti Rosli dan Izzara Saffia binti Rosli. Anak pertama adalah anak tak sah taraf kerana tercatat dalam sijil kelahiran 'Permohonan Seksyen 13'. Dalam penghakiman mahkamah, mahkamah telah membenarkan permohonan perceraian bagi kedua-dua pihak dan mahkamah juga telah memerintahkan defendan membayar nafkah bagi ketiga-tiga anaknya atas persetujuan defendan iaitu sebanyak RM1,000 selepas plaintif memaklumkan tidak berkeupayaan untuk menanggung ketiga-tiga anak tersebut. Defendan diperintahkan untuk memulakan pembayaran pada September 2019.

Dalam kes-kes tersebut, hakim mengambil inisiatif dengan melihat kepada situasi terkini kerana banyaknya pengabaian tanggungjawab nafkah dan kebajikan anak-anak terjejas akibat keperluan asas tidak mencukupi. Selain itu, ibu-ibu juga tidak dapat menerima anak tak sah taraf tersebut kerana dipandang jijik dan hina oleh sebahagian masyarakat. Ibu-ibu akan mengalami tekanan jiwa dan seterusnya anak-anak dibiarkan tanpa dari hasil didikan yang berguna (Sinar Harian, 2019).

Tekanan tersebut boleh memberi kesan kepada dirinya sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Ini berikutan sekiranya tidak dibantu daripada segi nafkah kepada anak, dikhuatiri akan menjejaskan keruntuhan institusi kekeluargaan dan tindakan untuk menghalau anaknya mungkin berlaku dan anak tersebut tiada tempat untuk mengadu. Seterusnya ia akan memberi kesan yang besar kepada masyarakat dan negara sekiranya tidak dikawal kerana tiada pewarisan negara yang berkualiti dan masyarakat akan hidup porak peranda dan secara tidak langsung akan meningkatkan kadar jenayah yang tinggi (Mohd Alimin bin Alias, 2011). Pendirian ini boleh dijustifikasikan berdasarkan *siyasah syar'iyah*.

Selain itu, pihak dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dibawah seliaan agensi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab dan menerima lambakan anak-anak tak sah taraf (Berita Harian, 2019). Anak-anak tak sah taraf yang diambil akan diberi perlindungan dan makanan setiap hari di Rumah Tunas Harapan

⁸ Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 384/2019. Op.Cit.

⁹ Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal 725/2019. Op.Cit.

(RTH). Mereka juga diberi didikan oleh penjaga khas mengikut kepada agama dan juga budaya masing-masing (Jabatan Kebajikan Masyarakat).

Walau bagaimanapun, hidup secara berkeluarga yang menghimpunkan anak dan ibu adalah lebih baik dan lebih berkualiti kerana saling kebergantungan dan merapatkan hubungan intim. Ini kerana sistem kekeluargaan dapat menjalinkan kasih sayang, penjagaan yang rapi dan penyatuan. (Aizan Sofia Amin et. al, 2016) Oleh itu, hakim telah menilai sesuatu masalah yang besar dalam membuat keputusan dengan memasukkan nafkah yang perlu ditanggung oleh bapa biologi. Ini bertetapan dengan kaedah fiqh iaitu:

(الضرورات تقدر بقدرها)

Maksudnya, *“Keperluan adalah ditentukan oleh setakat mana pentingnya ia”* (Al-Syaikh Ahmad Ibn Al-Syaikh Muhammad al-Zarqa, 1989)

Justeru, keperluan dalam memberi nafkah pada hari ini sangatlah dituntut jika dilihat pada situasi ini walaupun pada asalnya tidak dipertanggungjawabkan oleh bapa biologi. Walaupun kebanyakan keputusan adalah berdasarkan kerelaan seorang bapa biologi untuk menanggung anaknya yang tak sah taraf, ia juga melibatkan penasihat dan konsultasi beberapa pihak semasa Majlis *Sulh*. Sekiranya tiada persetujuan bapa biologi tersebut, kemungkinan boleh mendatangkan kemudaratan kepada masyarakat umumnya dan anak khususnya.

Sedangkan pihak yang bersalah adalah bukan anak tersebut, tetapi kedua ibu bapanya. Pelaksanaan untuk hakim memerintahkan nafkah tersebut juga tertakluk kepada persetujuan dari kedua-dua pihak setelah dinilai dan disiasat atas kemampuan bagi bapa biologi tersebut dan bukannya diperintahkan secara terburu-buru. Oleh itu, secara tidak langsung ia dapat mengurangkan bebanan dan tekanan terhadap si ibu.

PENUTUP

Anak yang dilahirkan perlu dijaga dengan sebaiknya walaupun anak tersebut tak sah taraf. Keutamaan penjagaan dan pembiayaan nafkah untuknya tersebut perlu diteliti agar kebajikan anak tidak terabai. Jelas berdasarkan hukum syarak, tanggungjawab nafkah ke atas anak tak sah taraf adalah di bawah tanggungan ibu. Sekiranya si ibu tidak berkemampuan, tanggungjawab tersebut akan berpindah kepada keluarga sebelah ibu seperti datuk (bapa kepada ibu), nenek (ibu kepada ibu) dan saudara lelaki si ibu. Penerusan nafkah kepada si anak perlu diteruskan sekalipun melibatkan anak tak sah taraf. Malah anak tak sah taraf tidak boleh dipersalahkan dalam hal ini kerana status tersebut adalah berpunca daripada kisah silam ibu dan ayah kepada anak malang tersebut.

Namun pendekatan yang baik telah dilakukan di Pulau Pinang apabila isu tanggungan nafkah kepada anak-anak, termasuklah anak tak sah taraf dimasukkan melalui Majlis Sulh dahulu. Justeru, setiap pihak ada ruang perbincangan dan mencapai kata sepakat demi kebajikan anak biologi tersebut.

Walaupun syarak dan juga peruntukan undang-undang tidak memberi kewajipan kepada bapa biologi dalam menanggung nafkah ke atas anak yang tak sah taraf, namun atas tindakan diri sendiri, sikap bertanggungjawab, penuh sukarela, keinsafan dan belas ihsan maka terdapat bapa biologi yang sanggup bertanggungjawab untuk membiayai nafkah ke atas anak tersebut. Kerjasama dan persetujuan yang diberikan oleh seorang bapa biologi untuk menanggung nafkah anak tak sah taraf akan direkodkan oleh mahkamah untuk meluluskan permohonan bagi pihak si ibu ke atas nafkah anaknya.

RUJUKAN

- Abd Ghani Ahmad & Nuarrual Hilal Md. Dahlan. 2016. *Kewajipan Menanggung Anak Tak Sah Taraf: Satu Kajian Kes di Negeri Kedah*. Jurnal Kanun: UUM.
- Abdul Rashid Moten. 1998. *A Guide To Research Proposal And Report Writing*. Selangor: Research Centre International Islamic University, Malaysia.
- Ahmad Sunawari Long. 2009. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Aizan Sofia Amin, Jamiah Manap & Noremy Md Akhir. 2016. *Peranan Keluarga dalam Kehidupan Kanak-Kanak Kurang Upaya Malaysia*. Jurnal Akademika 86(1).
- Berita Harian. 5 April 2019. *Pelihara Anak Tak Sah Taraf Ikut Syariat*. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/04/549142/pelihara-anak-tidak-sah-taraf-ikut-syariat-kemanusiaan>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. Laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Entri "Anak Luar Nikah". <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=anak+luar+nikah> (dicapai pada 24 April 2020).
- Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad. 2004. *Bidayat Al-Mujtahid Wa Nihayat Al-Muqtasid*. Kaherah: Dar al-Hadith. Jil 4.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/content&id=Ukk5QkdIL2NwSGFoMGxPSTUvdm0wdz09>.
- Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. 30 September 2005. *Fatwa Mengenai Anak Tak Sah Taraf*. Dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993). Jilid 49 No. 22.
- Lukman Abdul Mutalib & Mohamad Azhan Yahya. 2016. *Isu Penasaban Anak Luar Nikah Kepada Bapa Biologi Dari Sudut Pandang Siasah Syar'iyah Di Malaysia*. Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016.
- Al-Mawardi, Abu Hasan Ali bin Muhammad. 1999. *Al-Hawiyy Al-Kabir Fi Fiqh Mazhab Al-Imam Al-Syafi'yy*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Jil. 8.
- Mohd Alimin bin Alias. 2011. *Kedudukan Dan Perlindungan Hak Anak Buangan (Al-Laquit) Menurut Undang-undang Islam Dan Masyarakat Di Malaysia*. Disertasi Sarjana. Jabatan Syariah Dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Shafie Abu Bakar. 1991. *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan, edisi kedua*. Bangi: UKM
- Muhammad Aunurrochim Mas'ad & Mohamad Zakwan Nafis bin Mohamed Zamri. 2018. *Status Anak Luar Nikah: Satu Kajian Ke Atas Hak Harta Pusaka Mengikut Fiqh Islam Dan Undang-Undang Syarak Wilayah Persekutuan*. Isu Isu Semasa Islam Dan Sains: USIM.
- Muhammad Rawwas Qal'ah. 1997. *Mawsu'ah Fiqh 'Umar al-Khattab 'Asruhu Wa Hayatuhu*. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Muhammad Yusuf Musa. 1967. *Al-Nasab Wa Atharuhu*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'rifah.
- Najibah Mohd Zin. 2007. *Siri Perkembangan Undang-undang Di Malaysia, Undang-undang Keluarga (Islam)*. Jilid 14. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Nuraini Nik Badli Shah. 1992. *Undang-undang Keluarga Nafkah Dan Hak-hak Kewangan Lain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sinar Harian. 27 November 2019. *Bela Nasib Anak Tak Sah Taraf*. <https://www.sinarharian.com.my/article/59257/SUARA-SINAR/Analisis-Sinar/Bela-nasib-anak-tidak-sah-taraf>.

- Al-Shaykh Ahmad Ibn Al-Shaykh Muhammad al-Zarqa. 1989. *Sharh al-Qawai'd al-Fiqhiyyah*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Therese L. Baker. 1999. *Doing Social Research, 3rd ed.* United States of America: Mc Grew Hill.
- Wahbah al-Zuhayliyy. 1989. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Jil. 7. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Hasnizam Hashim, Syahirah Abdul Shukor & Asma Harun. 2018. *Faraq Perkahwinan Bagi Pasangan Tak Sah Taraf Di Negeri Sembilan*. International Journal Of Islamic Thought.
- Yusuf al-Qardawi. 1995. *Fatwa Masa Kini*. Jil. 7 & 8. Cet. 1. Terj. Zaidi Jalil, Munawwar Muhammad & Norman Mohd Nor. Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Zulkifli bin Hassan, Irwan bin Mohd. Subri, Lukman bin Abdul Mutalib. 2008. *Analisa Kes Melibatkan Anak Tak Sah Taraf di Mahkamah Syariah*. Jurnal Hukum.

Temubual

Tuan Mohamad Aslam bin Ahmad. Penolong Pegawai Syariah di Jabatan Bantuan Guaman Pulau Pinang. Bangunan Persekutuan Pulau Pinang. 19 Oktober 2018, jam 1.59 petang.

Akta

Akta Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian 1957.

Kes

Salim lwn Masiah

Norzaini binti Alias lwn Mohamad Sharif bin Mohamad Taib

Roslan binti Abd Ghani lwn Zulkifli

Ismail lwn Kalam

Azliza lwn Faizul

Aidayu lwn Sukri

Adilla lwn Shaiful

Nazihah lwn Rosli

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Fiqhiyyat tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.